



26.7.2019

## SIARAN MEDIA

### **PBAPP AKAN TERUS UTAMAKAN RAKYAT DAN KHIDMAT AWAM**

- **20 tahun perkhidmatan bekalan air yang berterusan, 24/7, tanpa catuan air dengan tarif yang berpatutan.**
- **“Pelaburan Semula” berjumlah RM682.6 juta bagi 335 projek bekalan air di Pulau Pinang, meliputi tempoh 2008 hingga 2018.**

PULAU PINANG, Jumaat, 26.7.2019: Sebagai operator bekalan air yang memberi khidmat kepada Pulau Pinang, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan terus memberi keutamaan kepada rakyat dan khidmat awam.

Ketua Menteri Pulau Pinang YAB Tuan Chow Kon Yeow, yang juga Pengerusi PBAPP dan PBA Holdings Bhd (PBAHB), berkata PBAPP pada asasnya adalah sebuah syarikat berorientasikan perkhidmatan awam.

“PBAPP dikorporatkan pada 1999. 2019 menandakan ulang tahun ke 20 perkhidmatannya kepada Pulau Pinang dan rakyatnya.

“Paling penting, PBAPP adalah syarikat khidmat awam kerana bekalan air adalah perkhidmatan awam penting. Jangan lupa bahawa semua orang di Pulau Pinang memerlukan air setiap hari. Setiap syarikat di Pulau Pinang juga memerlukan air untuk menjalankan perniagaan harian mereka,” beliau berkata.

YAB Tuan Chow maklum PBAPP memperolehi banyak anugerah peringkat negeri, kebangsaan dan antarabangsa sejak tahun 1999.

“Pada tahun 2002, PBAHB disenaraikan di Papan Utama Bursa Malaysia, dengan PBAPP sebagai anak syarikat utamanya. Sejak penyenaian awam, PBAHB telah membayar dividen kepada para pemegang saham setiap tahun,” tambah beliau.



Lebih penting lagi, PBAPP secara konsisten “membuat pelaburan semula” keuntungannya untuk terus meningkatkan perkhidmatan bekalan air.

“Dalam tempoh 2008 hingga 2018, PBAPP melabur sebanyak RM682.6 juta untuk 335 projek bekalan air, di Pulau Pinang.

“Pada masa ini, projek-projek ini membolehkan liputan bekalan air 100% di bandar dan 99.8% di luar bandar, dikekalkan untuk manfaat 1.77 juta rakyat yang tinggal di sini dan beribu-ribu perniagaan yang beroperasi di sini ketika ini,” kata beliau lagi.

YAB Tuan Chow berkata pencapaian yang paling penting PBAPP ialah 20 tahun perkhidmatan bekalan air yang berterusan di Pulau Pinang, tanpa catuan air dengan tarif yang berpatutan.

“Ini adalah petunjuk prestasi utama utama (KPI) 20 tahun lalu. Ia masih menjadi KPI utama PBAPP ketika ini, dan ia akan terus menjadi KPI paling kritikal untuk PBAPP pada masa akan datang. Perkara yang menjadi keutamaan ialah perkhidmatan awam yang baik,” tambah beliau.

#### RM104,000 untuk kakitangan yang lama berkhidmat

YAB Tuan Chow menyampaikan sijil simpanan premium bernilai RM104,000 dan sijil perkhidmatan lama kepada 47 kakitangan PBAPP di The Wembley St. Giles Hotel di sini semalam.

Kakitangan lama ini telah berkhidmat untuk Pulau Pinang, PBAPP dan Pihak Berkuasa Air (PBA) sebelum itu, selama antara 25 tahun, 30 tahun dan 35 tahun.

“Bagi pihak rakyat Pulau Pinang, saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada semua di PBAPP di atas komitmen mereka untuk khidmat awam yang baik, terutama kakitangan lama yang telah setia kepada PBAPP dan Pulau Pinang selama bertahun-tahun.

“Malam ini, kami memberi pengiktirafan kepada anda untuk komitmen selama bertahun-tahun. Saya harap anda semua akan terus berkhidmat di Pulau Pinang seboleh dan sebaik mungkin,” tambah beliau lagi.



Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah  
Unit Komunikasi Korporat  
Tel : 04-200 6607  
Email : [syarifah@pba.com.my](mailto:syarifah@pba.com.my)